


O S U

# GEMPAK.

WEEKLY EDITION





# HARIS RASHID

Pelukis kontemporari Malaysia, Haris Rashid, merupakan nama yang tidak asing dalam dunia seni visual tempatan. Selama lebih 12 tahun berkecimpung dalam bidang ini, Haris mahu membuktikan bahawa seni adalah kerjaya masa depan.

"Saya bermula dengan seni 12 tahun yang lepas, 2015 saya hasilkan karya pertama saya dan show itu memang laku. Jadi di situlah bermula saya membuat keputusan untuk jadi full-time artist," ujar Haris.

Namun, Haris tidak menafikan wujudnya pandangan skeptikal terhadap seni.

"Mungkin ramai yang berpendapat bidang art ini seperti tiada masa depan, jadi sebab itulah saya memilih untuk masuk ke bidang ini kerana saya nak buktikan yang mereka salah."

"Di Malaysia kita ada ramai yang berbakat. Saya mahu jadi salah seorang daripada mereka yang menunjukkan bidang seni ini mempunyai masa hadapan," katanya.

Bagi Haris, seni ialah identiti bangsa dan budaya, bukan sekadar hiasan. Namun akuinya, industri seni tempatan masih 'terperangkap dalam bubble'.

"Jenama besar mencari kelainan dan originality. Tapi ramai orang Malaysia anggap ia remeh. Industri kita sebenarnya sangat berbakat tapi masih dalam satu bubble."

"Saya nak pecahkan bubble itu supaya seni dilihat sebagai bidang serius dan dihargai," jelasnya.

Menjelajah ke luar negara membuka matanya terhadap penghargaan global terhadap seni, dan Haris berhasrat membawa wajah Malaysia ke pentas dunia.

"Mudah untuk orang luar kenal Malaysia menerusi seni. Apresiasi seni di luar sangat tinggi. Saya harap dapat tarik lebih ramai untuk hargai seni dan jaga ekosistem ini," katanya. - ASYRAF ROSLAN



# Kolaborasi Unik Haris Rashid & Jenama Terkenal!

Skechers baru-baru ini berkolaborasi dengan pelukis Malaysia, Haris Rashid, menghasilkan SkechVibe Collection - koleksi edisi terhad T-shirt dan tote bag yang menampilkan seni boleh pakai berinspirasikan biodiversiti dan budaya Malaysia.

Dengan gaya visual Haris yang berwarna-warni dan penuh naratif, koleksi ini mengangkat fesyen harian sebagai medium ekspresi seni serta penghormatan kepada seni tempatan dan identiti nasional.

Skechers SkechVibe Collection kini boleh didapati bermula RM99 di butik konsep terpilih seperti Pavilion KL, Pavilion Bukit Jalil, Pavilion Damansara Heights, Suria KLCC, The Exchange TRX dan 1 Utama, serta secara dalam talian menerusi Shopee dan Lazada.

Dikenali dengan gaya seni berwarna-warni serta kaya elemen flora dan fauna, Haris juga aktif berkolaborasi dengan pelbagai jenama tempatan dan antarabangsa, antaranya:

1. Skechers Malaysia: Koleksi edisi terhad T-shirt & tote bag berinspirasikan budaya dan biodiversiti Malaysia.
2. Bokitta: Koleksi hijab "SHE" bertema alam semula jadi seperti Light My Fire & Under the Sea.
3. F&N Malaysia: Mural di MRT Bukit Bintang untuk kempen #KiniLebihGempak, memperkenalkan seni ke ruang awam.
4. Thomson Hospital: Enam karya seni bertema alam semula jadi menghiasi sayap baru hospital.
5. Diptyque Mid Valley: Mural eksklusif di butik wangian Paris, menggabungkan estetika tempatan & Perancis.

## Kecoh Perseteruan Anak-Beranak, Patut Dedah Di Media Sosial Atau Selesai Sendiri?

Aidilfitri belum sebulan. Budaya maaf-memaafi masih ‘basah’ di bibir tapi sudah ada yang kembali masuk ke gelanggang perseteruan. Itu yang terjadi sepanjang minggu lalu apabila beberapa pasangan anak-beranak terkenal di Malaysia ‘kecoh’ dengan masalah masing-masing. Siapa dan mengapa mereka berseteru? Hanya Allah yang tahu, apapun mari kita doakan yang terbaik buat mereka.

1.



**Marissa - Abby Abadi**

Dua nama ini kembali menjadi buah mulut pengguna media sosial kerana membuka sedikit demi sedikit kisah lampau sewaktu menjadi isteri kepada Norman Hakim. Dua beranak ini sudah lama ‘berseteru’ selepas Marissa menjadi isteri kedua kepada Aslam selepas gadis tersebut membelakangkan Abby sebagai ibu dan menikah di Thailand pada 2023.

Semua konflik kembali memanas apabila ada dalam kalangan netizen mahu Abby melakukan permohonan maaf kepada isteri pertama Aslam iaitu Umisya Mazlan. Abby sebaliknya meminta Aslam untuk datang memohon maaf dan Marissa mula bersuara menyebelahi suami dan perseteruan mereka berpanjangan lalu terlondeh hal-hal tak sepatutnya termasuk isu nafkah.

2.



**Anju - Aunty Aini**

Tiada angin tiada ribut pelakon sensasi Zarina Anjolie pun ikut masuk dalam ‘keramaian anak-beranak’. Anju mendakwa ibunya Aunty Aini atau nama sebenar Norzaini Abdul Hamid sebagai seorang narsistik dan cemburukan anak sendiri. Aunty Aini juga disifatkan sebagai manusia yang hanya berpura-pura baik di hadapan orang ramai.

“Mak aku ni suka cerita buruk aku depan orang lain. Jenis kalau dia tak suka dia akan hasut orang lain tak suka sama. Termasuk anak sendiri,” dakwa Anju, 37. Malah Anju mendakwa ibunya pernah meminta agar dia tidak memberitahu umum tentang hubungan mereka sebagai anak beranak. Namun mujurlah setakat artikel ini ditulis, ibu Anju tidak memberi respons tentang pertuduhan buruk yang dilemparkan kepadanya oleh anak sendiri.

3.



**Ben Ladin - Keluarga**

Lama tidak dengar cerita tentang penyanyi muda Ben Ladin, tiba-tiba muncul dengan konflik keluarga bersama ibu dan bapanya. Pemilik nama sebenar Muhammad Benladen Munshi Shaihan mendakwa pendidikan dua adiknya terabai.

“Kereta aku tak pernah tuntut sebelum ini fikirkan adik-adik nak sekolah. Sampai hari ini aku dapat tahu adik aku tak sekolah. Seorang dah 12 tahun, seorang lagi 8 tahun,” luahnya

Dia juga mendedahkan ada pihak melakukan penipuan sehingga mencecah ratusan ribu ringgit. Oleh kerana tidak tahan dengan kekecohan yang telah membuat dirinya huru hara kerana dicari mangsa penipuan, Ben Ladin juga sudah membuat laporan polis.  
- MALIAH SURIP

Kaya Tapi Bodoh Si Makcik Bodoh!!  
Kau yg giler Glamour!  
Giler Content!  
Salah orang la Kau Nak Kacau!

# GEMPAK SPOTLIGHT

## Konflik Keluarga Datuk Aliff Syukri - Rebecca, Yang Untungnya Netizen Malaysia

Istilah terlajak perahu boleh diundur, terlajak kata buruk padahnya sangat sesuai dengan banyak situasi pengguna media sosial hari ini. Sebab itu dalam hidup juga selalu ditekankan agar banyak bersabar dan jika tiada perkara yang baik untuk bercakap, lebih baik diam.

Terkadang memang benar kita ada perasaan untuk membela diri atau bersuara demi hak tetapi bagaimana mekanisme ‘memuntahkan’ kemarahan itu perlu diperhalusi. Jika tidak ia ibarat air di dulang terpercik ke muka sendiri.

Dan bahaya ‘memuntahkan’ hal-hal di media sosial adalah ia akan segera bertebaran sehingga benda baik boleh menjadi tidak elok dan perkara tidak baik pula disokong beramai-ramai mengikut definisi dan pentafsiran masing-masing.

Salah satu contoh isu yang hangat diperkatakan adalah perseteruan Rebecca Nur Al Islam dengan isteri Datuk Aliff Syukri iaitu Datin Shahidah yang akhirnya telah membabitkan seluruh keluarga.

Daripada hanya isu kecil menjadi konflik sehingga timbul pelbagai fitnah. Dan kini antara isu yang mula dipersenda adalah nilai RM1.5 juta yang telah dinafikan ibu Alif, Bonda Rozita bahawa adik ipar baharunya itu ada membuat pinjaman kewangan sebanyak itu.


Sebagai seorang usahawan ia secara tidak langsung telah memberi idea buat Alif sekeluarga menggunakan isu tersebut sebagai parodi, meme dan ‘modal’ melariskan pelbagai jualannya.

Ini semua (perseteruan) yang dimulakan mereka sendiri tanpa sedar, suka atau tidak, telah memberi ‘hiburan’ kepada pengguna media sosial. Bangun pagi dan sebelum tidur malam, penulis percaya ramai yang mahu mengikut episod terkini drama mereka sama seperti menantikan episod nasib Budin dalam drama bersiri Dia Imamku.

Jadi jangan dimarah pengguna media sosial apabila ikut kepoh dan selidik semua hal kain dalam kerana yang memulakan itu kita. Yang membenarkan orang asing masuk ke kehidupan kita, juga kita. Maka itu berlapang dada menerima ‘permainan’ alam maya. - MALIAH SURIP




# GEMPAK SINEMA



Pengarah: Aziz M. Osman  
Pelakon: Amerul Affendi, Bell Ngasri, Saiful Apek, Kazar Saisi, Asmidar, Kamarool Yusof  
Genre: Komedi/Aksi


Mengisahkan tentang sekumpulan samseng upahan yang dikenali sebagai '6 Jilake' yang ditugaskan oleh syarikat penjajah Hindia Timur Belanda untuk menakluk dan memonopoli lombong bijih timah di negeri Perak.

Namun, misi mereka tidak semudah yang disangka apabila mereka berdepan dengan seorang pendekar kampung yang hebat dan sukar dikalahkan. Pendekar ini, yang mewakili semangat rakyat, menjadi penghalang utama dalam misi penjajahan mereka. Di sinilah bermulanya konflik hebat yang penuh aksi dan pertarungan, namun diselitkan dengan unsur jenaka yang cukup mencuit hati.



Pengarah: Dain Said  
Pelakon: Fattah Amin, Pekin Ibrahim, Jenna Kamaratih  
Genre: Drama

Berlatarbelakangkan tahun 1980-an di sebuah kampung nelayan Malaysia, Kulit Wayang mengisahkan seorang dalang yang mencari jawapan selepas kematian anak perempuannya. Kehadiran seorang ibu dan anak perempuan dari Indonesia di kampung itu secara tidak sengaja membongkar rahsia lama apabila patung wayang kulit istimewa tiba-tiba hidup, membawa mereka ke dalam sebuah pengembalaan yang penuh misteri dan budaya.



Pengarah: Jake Schreier  
Pelakon: Florence Pugh, Sebastian Stan, Wyatt Russell, Olga Kurylenko, Lewis Pullman  
Genre: Aksi/Pengembalaan

Mengisahkan tentang sekumpulan individu dengan masa lalu yang kelam, yang dipaksa bekerjasama dalam sebuah misi berbahaya. Mereka terdiri daripada Yelena Belova, Bucky Barnes, Red Guardian, Ghost, Taskmaster, dan John Walker.

Pasukan ini perlu berhadapan dengan perangkap maut yang dirancang oleh Valentina Allegra de Fontaine. Sepanjang misi ini, mereka bukan sahaja perlu menentang musuh dari luar, tetapi juga perlu berdepan dengan sisi gelap dalam diri masing-masing.

Persoalannya, mampukah mereka bersatu sebagai satu pasukan, atau akhirnya saling menghancurkan sebelum misi mereka selesai?

## Amira Othman Di Kemuncak Carta GMW Minggu Ini!

Dina Nadzir muncul sebagai Hos Program Digital No. 1, menewaskan Kecik Khaliquekerr, Ubai MZ, Zarul Umbrella dan Caprice dalam kategori Hos Program Digital Gempak Most Wanted (GMW) minggu ini.

Dalam kategori Program Digital Trending, 'Ruang Cerita ZAYAN' bersama Amira Othman mencipta fenomena, diikuti Podcasterk: OLD MONEY, Sembang Seram Jihaa Sham, serta konten berani seperti Mulut Puaka Session dan Studio Sembang Akim Ahmad.


Amira Othman bukan sekadar hos tapi juga mengungguli carta Selebriti Paling Trending dan lagu 'Bila Nak Kahwin?' nyanyiannya menduduki tangga teratas Lagu Trending, membuktikan popularitinya kini di kemuncak.

Untuk muzik video, 'Kerana Ego' oleh Khai Bahar mengungguli carta, sementara 'Keluarga Itu' dinobatkan sebagai Drama Paling Trending minggu ini.

GMW bersiaran setiap hari Rabu, 11 malam di Astro Ria, On Demand & Astro GO.

Jadi, teruskan mengundi calon kesayangan anda!

Undian setiap kategori boleh dilakukan di laman rasmi [www.gempakmostwantedawards.com](http://www.gempakmostwantedawards.com) bermula sekarang.



Semak ranking semasa GMW minggu ini!

### Hos Program Digital

- No 1: Dina Nadzir
- No 2: Kecik Khaliquekerr
- No 3: Ubai MZ
- No 4: Zarul Umbrella
- No 5: Caprice

### Program Digital Trending


- No 1: Ruang Cerita ZAYAN - Amira Othman
- No 2: Podcasterk - OLD MONEY Sterk
- No 3: Sembang Seram Jihaa Sham
- No 4: Mulut Puaka Session - KAHAR: Kapla High Council
- No 5: Studio Sembang Akim Ahmad

### Selebriti Trending

- No 1: Amira Othman
- No 2: Shukri Yahaya
- No 3: Faizal Hussein
- No 4: Zahiril Adzim
- No 5: Mimi Lana

### Digital Creator Trending (Entertainment)

- No 1: Achik Mael
- No 2: Arwind Kumar
- No 3: Irfan Kamid
- No 4: Adam Bakery
- No 5: Shak Shazwan



# Yang Dinanti Tiba, Keluang Man Muncul Dengan Treler & Poster Rasmi!



Filem aksi superhero Malaysia yang paling dinanti-nantikan, 'Keluang Man', kini bersedia menggegarkan pawagam seluruh negara bermula 29 Mei 2025.

Diterbitkan oleh Astro Shaw, Keluang Man menandakan permulaan bagi Astro Shaw Cinematic Universe.

Pada masa yang sama, treler juga telah dilancarkan dan diikuti dengan pelancaran poster rasmi.

Menerusi treler rasmi yang dilancarkan, filem 'live-action' ini memperkenalkan dunia Keluang Man yang lebih moden, penuh aksi mendebaran dan visual sinematik berkualiti tinggi.

Treler ini bukan sahaja mencetus keterujaan luar biasa di kalangan peminat setia, malah turut menarik perhatian generasi baharu, sekali gus membuktikan bahawa Malaysia mampu menghasilkan filem adiwira setanding produksi antarabangsa.

Keluang Man yang diarahkan Anwari Ashraf menampilkan bariskan pelakon antaranya Nas Muammar Zar, Remy Ishak, Anwaar Beg Moghal, Datuk Rosyam Nor, Shweta Sekhon, Halim Othman, Amelia Henderson, Sham Sunder, Dennis Yin dan ramai lagi.

## Song Ji Hyo Bakal Beraksi Dalam Siri Dokumentari Deep Dive Korea: Song Ji-Hyo's Haenyeo Adventure



BBC Studios dan JTBC mengumumkan pelakon terkenal Korea, Song Ji Hyo dipilih untuk menjayakan siri dokumentari berjudul Deep Dive Korea: Song Ji-Hyo's Haenyeo Adventure.

Dokumentari itu bakal menyaksikan Ji Hyo melakukan aktiviti menyelam bersama dengan nelayan laut untuk mengumpul kerang.

Aktiviti mencari rezeki itu merupakan tradisi yang telah diturunkan dari generasi ke generasi lebih dari 400 tahun.

Mereka mempertaruhkan nyawa dengan terjun sehingga 20 meter ke dasar laut tanpa topeng oksigen atau peralatan canggih untuk mengumpul kerang dan kebanyakan wanita yang terlibat adalah berusia dalam lingkungan 80-an.

## Gabungan Ikonik Ziana Zain, Anuar Zain, Ernie Zakri & Syamel Dalam Empat Live In Kuala Lumpur 2025.

Sejarah baharu tercipta apabila empat figura tersohor - Ziana Zain, Anuar Zain, Ernie Zakri dan Syamel - bergabung dalam konsert Empat Live In Kuala Lumpur 2025 buat pertama kalinya.

Menurut pengatur merangkap penyanyi, Anuar Zain, konsert ini menjadi lambang cinta, kasih sayang dan silaturahim bersama peminat yang sentiasa menyokong mereka. Projek ini telah dirancang sejak dua hingga tiga tahun lalu sebagai simbol kekeluargaan dan penghargaan.

Konsert ini diarahkan oleh Jennifer Thompson dengan muzik dipimpin oleh Sze Wan dan barisan pemuzik profesional.

Tiket sudah boleh mula dibeli pada 25 April 2025, jam 10.00 pagi menerusi [Ticket2U](#), dengan harga bermula RM288 hingga RM2,088. Untuk pembelian tiket kategori OKU, boleh hubungi +6011-1190 0518.

Empat Live In Kuala Lumpur 2025 bakal berlangsung pada 18 Oktober 2025 di Mega Star Arena, Kuala Lumpur dan dijangka menjadi salah satu acara muzik paling bersejarah tanah air.





**Mad Noor**

@dodosentoso ✅

## HPV Bukan Masalah Perempuan Saja—Lelaki Pun Silent Carrier!



Ramai masih salah faham tentang Human Papillomavirus (HPV), kononnya ia hanya 'masalah orang perempuan' kerana kaitannya dengan kanser serviks. Hakikatnya, HPV tidak pilih jantina. Jika anda aktif secara seksual, tidak kira lelaki atau perempuan, anda tetap berisiko dijangkiti virus ini.

HPV adalah satu virus yang licik dimana ramai lelaki dijangkiti tanpa sebarang tanda. Walaupun tiada simptom, virus masih berada dalam badan dan boleh disebarluaskan kepada pasangan. Antara risiko kesihatan kepada lelaki termasuk Ketuat kelamin (genital warts), Kanser zakar (walaupun jarang, tetapi wujud) dan Kanser dubur (risiko lebih tinggi jika ada hubungan seks dubur atau sistem imun lemah).


Tanpa simptom yang ketara, ramai lelaki tidak menjalani ujian. Ini membolehkan virus kekal dalam badan dan menjangkiti pasangan berulang kali.

Walaupun pap smear lebih sinonim dengan wanita, lelaki juga boleh menjalani ujian HPV, terutama jika ada gejala seperti ketuat atau lesi pada kemaluan, mempunyai pasangan yang diketahui dijangkiti HPV atau termasuk dalam kumpulan berisiko (contohnya lelaki yang melakukan seks dengan lelaki).

Ujian biasanya melibatkan swab dari kawasan zakar atau dubur, dan makmal akan mengesan kehadiran DNA virus menggunakan kaedah PCR.

HPV bukan virus perempuan semata-mata. Lelaki juga boleh dijangkiti, malah sering menjadi pembawa senyap tanpa disedari. Kesedaran dan tanggungjawab menjaga kesihatan seksual adalah usaha bersama. Jika anda aktif secara seksual, jangan malu untuk buat ujian HPV—lebih malu kalau anda tanpa sedar membahayakan orang lain.

# 6 Mysterious Unsolved Crimes in Malaysia



Despite years of investigations, these six high-profile cases remain unsolved and continue to grip the nation:

## **Sharlinie Mohd Nashar**

In 2008, 4-year-old Sharlinie went missing after playing at a park near her home in Petaling Jaya. Massive search efforts were made, but she was never found.

## **Datuk Shaharuddin Ibrahim**

The Deputy Director-General of Customs was shot dead in his car in Putrajaya in 2013. The motive behind his assassination remains unclear.

## **Audrey Melissa Bathinathan**

A 17-year-old student who disappeared on her way to school in 1999. Her body was later found showing signs of assault and serious injuries.

## **Ang May Hong**

In 1987, 9-year-old Ang was found dead in Kuala Lumpur with signs of sexual abuse and severe physical assault. Her case remains one of the most brutal in the country.

## **Nurin Jazlin**

In 2007, 8-year-old Nurin went missing after visiting a night market. A month later, her body was found stuffed in a sports bag, showing signs of abuse.

## **Jean Perera Sinnappa**

A former beauty queen and teacher who was found stabbed to death in 1979. Though a suspect was initially charged, the killer was never officially identified.

Read more at [www.rojakdaily.com](http://www.rojakdaily.com)